

# SL1M Sabah tawarkan 10,000 peluang pekerjaan

NST 2.3.2018 1

**KOTA KINABALU:** Program Temu Duga Terbuka Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) peringkat negeri Sabah, yang akan diadakan tahun ini, bakal membuka lebih 10,000 peluang pekerjaan kepada graduan khususnya anak tempatan Sabah.

Ketua Sekretariat SL1M Norashikin Ismail berkata program SL1M di Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama dua hari bermula 17 Mac ini akan disertai pelbagai syarikat gergasi seperti Maybank, CIMB, Petronas dan Lebuhraya Pan-Borneo.

“Syarikat-syarikat ini terutamanya Petronas dan Lebuhraya Pan-Borneo akan menawarkan pekerjaan di Sabah untuk anak Sabah manakala kebanyakan syarikat lain akan menawarkan pekerjaan di ibu negara,” katanya.

Beliau berharap jarak dan kos untuk berhijrah dari Sabah ke Kuala Lumpur tidak dijadikan sebagai halangan.

“Apa-apa masalah seperti tiada tempat tinggal, tiada duit nak beli tiket (kapal terbang), boleh rujuk dengan SL1M. Kita akan bantu mana yang boleh,” katanya.

Memahami kesukaran yang dihadapi oleh anak muda Sabah terutama yang tinggal di pedalaman, Norashikin berkata pihak SL1M akan berkerjasama dengan Grab untuk menawarkan diskaun sebanyak RM8 bagi mereka yang menghadiri temu duga itu.

Beliau berkata pihaknya juga akan menyediakan bas ulang alik secara percuma dari Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Terminal Bas Inanam ke UMS dengan kekerapan setiap 30 minit.

“Saya berharap anak-anak Sabah dapat menggunakan peluang yang ada ini untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Kitā ada ramai yang berjaya, daripada miskin tegar dan dengan inisiatif SL1M, kehidupan mereka berubah 360 darjah,” katanya.

Ini merupakan kali keempat SL1M mengadakan temu duga terbuka di Sabah.

SL1M merupakan inisiatif kerajaan yang dilancarkan pada Jun 2011 untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan mempersiapkan mereka dengan ilmu, kemahiran dan pengalaman bekerja.

Sehingga kini, sebanyak 400 syarikat bekerjasama dengan SL1M dan setakat Disember 2017, seramai 144,400 graduan telah dibantu melalui penglibatan secara langsung dan tidak langsung.